KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	07.10.22	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	TNB			

lokal

ISU PANGSAPURI TAMAN SERI MOLEK PERDANA, PLENTONG

Kenyataan SPNB kurang tepat: TNB

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kenyataan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) berhubung kelewatan penyerahan kunci Pangsapuri Taman Seri Molek Perdana, Plentong di Johor berpunca Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah kurang tepat.

Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan TNB menjelaskan, dalam pertemuan Julai lalu, pihaknya menyarankan SPNB berbincang semula dengan kontraktor perumahan itu untuk menyerahkan dokumen lazim diperlukan iaitu Borang A.

Katanya, saranan itu termasuk penyerahan wang pendahuluan kepada TNB secepat mungkin bagi membolehkan kerja pemasangan meter elektrik dapat dilaksanakan dengan kadar segera.

"Namun sehingga sekarang Borang A belum dimajukan dan difahamkan kontraktor baharu akan dilantik oleh SPNB dalam bulan ini," kata TNB dalam kenyataan, semalam.

Kenyataan itu merujuk laporan Harian Metro bertajuk 'Mana kunci rumah kami' yang disiarkan pada 5 Oktober lalu.

Mengulas lanjut, TNB berkata, Borang A adalah kontrak di antara pengguna dengan TNB dan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), perlu dilampirkan sama ialah Borang G dan Borang H bagi membuktikan sistem pendawaian dalam rumah sudah diuji dan selamat sebelum pemasangan meter.

"TNB sudah menyediakan pepasangan yang diperlukan termasuk Pencawang Elektrik yang mula tugas sejak Mac lalu," katanya.

Pengguna yang mempunyai sebarang pertanyaan lain berkaitan akaun boleh menghubungi TNB Care-Line di talian 1300885454, Facebook TNB Careline atau Twitter@Tenaga_Nasional.

Akhbar ini pada 5 Oktober lalu melaporkan, ratusan pembeli rumah di Perumahan Taman Seri Molek Perdana di sini, menuntut hak mereka dengan mendesak SPNB menyerahkan kunci kediaman yang dibeli mereka sejak 12 tahun lalu.

Sebelum ini, SPNB memaklumkan fasa dua projek perumahan itu sepatutnya diserahkan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 31 Disember 2021, namun mengalami kelewatan serahan kunci akibat urusan dengan TNB yang belum selesai.

Fasa tiga iaitu blok D dan E membabitkan 215 pembeli dijangka menerima kunci pada Disember tahun ini.

Fasa satu projek berkenaan yang membabitkan blok F pula sudah memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 2020.



PANGSAPURI Taman Seri Molek Perdana, Plentong yang mula dibina pada 2010 belum diduduki. - Gambar NSTP/OMAR AHMAD